PP lwn. RACHPAL SINGH & SATU LAGI DAN RAYUAN-RAYUAN LAIN

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
ROHANA YUSUF HMR
ABANG ISKANDAR HMR
KAMARDIN HASHIM HMR
[RAYUAN JENAYAH NO: J-05-369-12-2014,
J-05(H)-41-01-2016 & J-05(SH)-47-01-2016]
23 JUN 2016

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Membunuh – Kanun Keseksaan, s. 302 – Si mati dipukul sampai mati oleh kedua-dua tertuduh – Sama ada terdapat unsur pergaduhan mengejut – Sama ada si mati diserang tanpa diberi peluang untuk mempertahankan dirinya – Sama ada terdapat jurang besar antara kejadian pukulan pertama dan pukulan kedua – Sama ada pembelaan 'sudden fight' terpakai – Sama ada pembelaan tertuduh merupakan satu penafian – Sama ada keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan diragui – Sama ada hakim bicara khilaf apabila meminda pertuduhan daripada s. 302 kepada s. 304(a) Kanun Keseksaan*

PROSEDUR JENAYAH: *Pertuduhan – Pindaan – Pertuduhan di bawah s. 302 dipinda kepada s. 304(a) Kanun Keseksaan – Si mati dipukul sampai mati oleh kedua-dua tertuduh – Sama ada terdapat unsur pergaduhan mengejut – Sama ada si mati diserang tanpa diberi peluang untuk mempertahankan dirinya – Sama ada terdapat jurang besar di antara kejadian pukulan pertama dan pukulan kedua – Sama ada pembelaan 'sudden fight' terpakai – Sama ada pembelaan tertuduh merupakan satu penafian – Sama ada keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan diragui – Sama ada hakim bicara khilaf apabila meminda pertuduhan*

Kedua-kedua tertuduh pada asalnya dipertuduhkan dengan satu kesalahan di bawah s. 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh seorang warganegara Indonesia. Si mati dan kedua-dua tertuduh bekerja sebagai buruh di tapak pembinaan milik Syarikat Wong & Wong Constructions. Mereka tinggal di dalam dua buah kontena berasingan di dalam kawasan pembinaan tersebut. Pada 4 April 2011, jam 12 tengah malam, seorang pekerja Indonesia SP12 telah datang ke kontena si mati dan meminta si mati untuk pergi ke kontena bersebelahan yang didiami oleh pekerja-pekerja dari India untuk menegur mereka supaya jangan bising. Si mati pergi ke kontena bersebelahan dan tidak lama kemudian, SP12 melihat tertuduh pertama dan tertuduh kedua ('tertuduh-tertuduh') masing-masing memegang sebatang kayu mengejar si mati dan memukul si mati dengan kayu ('kejadian pertama'). Si mati berlari hingga ke satu simpang tiga dan berhenti di hadapan rumah SP7. SP12 melihat si mati meminta maaf kepada kedua-dua tertuduh. Kedua-dua tertuduh berhenti memukul si mati dan dilihat mereka berjabat tangan dan berdamai. Si mati kemudiannya balik ke kabin bersama SP12 dalam keadaan kepalanya berdarah. Keterangan SP12 menyatakan setelah si mati balik ke kontenanya, lebih kurang 10 minit selepas itu tertuduh-tertuduh telah datang

ke kontena si mati dan memukul kepala si mati dengan kayu. Tertuduh-tertuduh kemudiannya menarik si mati keluar dari kontena dan terus memukul si mati hingga jatuh terbaring ('kejadian kedua'). Apabila pihak polis tiba di kontena, si mati dilihat berada dalam keadaan berlumuran darah terbaring di atas tanah di hadapan pintu kontena. Tertuduh-tertuduh berjaya ditangkap oleh pihak polis ketika sedang bersembunyi di dalam longkang dan di semak di belakang kontena. Bedah siasat ke atas jasad si mati dijalankan oleh SP6 yang menyimpulkan sebab-sebab kematian si mati sebagai trauma tumpul di kepala. Kedua-dua tertuduh, dalam pembelaan mereka, menafikan bahawa mereka memukul si mati dan menyatakan bahawa satu Kuldip Singh dan satu Tarlok Singh telah memukul si mati. Hakim bicara mendapati pihak pendakwaan gagal membuktikan pertuduhan asal di bawah s. 302 Kanun Keseksaan melampaui keraguan munasabah terhadap tertuduh-tertuduh. Menurut hakim bicara, tindakan tertuduh-tertuduh yang terlibat dalam memukul si mati tergolong kepada kesalahan di bawah s. 304(a) Kanun Keseksaan iaitu kesalahan homisid yang tidak berjumlah kepada kesalahan membunuh. Responden-responden dijatuhkan hukuman 20 tahun penjara. Pendakwa Raya merayu terhadap keputusan Hakim Mahkamah Tinggi tersebut manakala responden pertama merayu balas terhadap hukuman pemenjaraan yang telah dijatuhkan dan responden kedua merayu balas terhadap sabitan dan juga hukuman.

Diputuskan (membenarkan rayuan Pendakwa Raya; menolak rayuan balas kedua-dua tertuduh)

Oleh Kamardin Hashim HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Hakim bicara terkhilaf apabila memutuskan terdapat unsur 'sudden fight in the heat of passion under a sudden quarrel' dalam kes ini. Hakim bicara didapati gagal membuat pertimbangan sewajarnya keterangan dan fakta yang menidakkan unsur 'sudden fight' yang berbangkit dari 'sudden quarrel'. Pembelaan 'sudden fight' tidak terpakai oleh kerana terdapat jurang masa antara kejadian pertama dan kejadian kedua. Malahan terdapat keterangan menunjukkan mereka telah berdamai dan berbaik-baik sebelum tertuduh-tertuduh masuk ke dalam kontena si mati dan membelasah si mati hingga mati menggunakan kayu. Hakim bicara gagal memberikan pertimbangan terhadap kesan jurang masa itu yang tidak lagi dikatakan sebagai pergaduhan berlaku secara mengejut. Hakim bicara gagal menimbangkan fakta bahawa si mati telah diserang tanpa diberi peluang untuk mempertahankan dirinya. (perenggan 31 & 35)

(2) Si mati telah dipukul dengan kayu oleh tertuduh-tertuduh dan telah ditarik keluar kontena dan terus dipukul bertalu-talu sehingga mati, Si mati pada sepanjang malam tidak pernah membawa atau memegang sebarang senjata. Begitu juga semasa si mati dikejar oleh tertuduh-tertuduh dan dipukul dengan kayu, si mati tidak bersenjata dan tidak membalas pukulan mereka. Si mati juga dipukul dalam kontena ketika sedang berbaring menahan kesakitan akibat dipukul dalam kejadian

pertama. Si mati langsung tidak membalas. Apa yang berlaku adalah 'one sided attack with no response from the adversary, then it is not a fight.' Tertuduh-tertuduh telah bertindak secara 'undue advantage or acted in a cruel or unusual manner' terhadap si mati. Oleh itu, kekecualian kepada s. 300 Kanun Keseksaan tidak terpakai. Pembelaan tertuduh-tertuduh yang memohon perlindungan di bawah Kekecualian 4 tersebut sewajarnya ditolak oleh mahkamah. (perenggan 37 & 38)

(3) Pembelaan tertuduh-tertuduh yang menyatakan Kuldeep Singh dan Tarlok Singh telah memukul si mati menggunakan tukul dan batang besi tidak pernah dicadangkan kepada kedua-dua saksi pihak pendakwaan SP7 dan SP12. Dua saksi mata tersebut menyatakan mereka melihat tertuduh-tertuduh yang memukul si mati menggunakan kayu. Ini tidak disangkal dalam pemeriksaan balas dan tidak di 'put' bahawa Kuldeep Singh dan Tarlok Singh yang telah membunuh si mati. Kegagalan peguam bela tertuduh-tertuduh menyoal balas SP7 dan SP12 mengenai peranan Kuldeep Singh dan Tarlok Singh dan gagal meletakkan dua penama itu yang didakwa membunuh si mati menyebabkan pembelaan tertuduh-tertuduh merupakan satu penafian semata-mata dan satu rekaan terbaru. (perenggan 40-43)

(4) Tiada alasan untuk hakim bicara menolak dan meragui keterangan SP12 sedangkan terdapat keterangan yang kukuh menyokong keterangan yang diberikan oleh SP12. Keterangan-keterangan sokongan tersebut dapat dilihat melalui keterangan yang disampaikan oleh SP7, saksi mata yang menyatakan bahawa beliau ada melihat seorang lelaki Indonesia dikejar oleh dua lelaki India dengan salah seorangnya memegang sebatang kayu. Keterangan sokongan juga diperolehi daripada keterangan saksi polis SP13 yang telah menjumpai tiga batang kayu di tempat kejadian selepas ditunjukkan oleh SP12. Terdapat kesan darah si mati pada salah satu kayu yang dijumpai di tempat kejadian. Keterangan SP6 yang menyimpulkan bahawa kecederaan di kepala si mati disebabkan oleh kayu belati menyokong keterangan SP7 dan SP12. (perenggan 51-53)

(5) Terdapat merit dalam rayuan Pendakwa Raya. Oleh itu, mahkamah ini membenarkan rayuan Pendakwa Raya. Sabitan di bawah s. 304(a) Kanun Keseksaan dan hukuman penjara 20 tahun sejak tarikh ditangkap yang dijatuhkan oleh Hakim Mahkamah Tinggi terhadap tertuduh-tertuduh diketepikan dan digantikan dengan sabitan atas pertuduhan asal di bawah s.302 Kanun Keseksaan terhadap kedua-dua tertuduh. Mahkamah ini menjatuhkan hukuman gantung di leher sehingga mati ke atas kedua-dua tertuduh. (perenggan 56)

A ***English*** *Headnotes*

Both the accused persons were originally charged with an offence under s. 302 of the Penal Code for the murder of an Indonesian citizen. The deceased and both the accused persons were construction workers at the construction site owned by Syarikat Wong & Wong Constructions. They
B lived in two separate containers at the said construction site. On 4 April 2011, at 12 midnight, one Indonesian worker SP12 had come to the deceased's container and asked for the deceased to go the container next door occupied by workers from India and to reprimand them for being noisy. The deceased had gone to the container next door and not soon after, SP12 saw
C the first and second accused ('the accused persons') each holding a piece of wood chasing after the deceased and hitting the deceased with the said wood ('the first incident'). The deceased had run to one triple junction and stopped in front of SP7's house. SP12 saw that the deceased had apologised to both the accused persons. Both the accused persons stopped hitting the deceased
D and they were seen shaking hands and making peace with each other. The deceased then returned to the cabin with SP12, his head covered with blood. The evidence of SP12 stated that when the deceased was already in the container, both the accused persons came within ten minutes and started hitting the deceased with a piece of wood. The accused persons then dragged
E the deceased out from the container and continued hitting the deceased until he fell flat on the ground ('the second incident'). When the police arrived at the container, the deceased was found lying down on the ground covered with blood in front of the door of the container. The accused persons were caught by the police hiding in the drain and bushes behind the container. A
F post-mortem was performed on the body of the deceased and SP6 concluded that the cause of death of the deceased was blunt trauma to the head. Both the accused persons, in their defence, denied that they had hit the deceased and stated that one Kuldip Singh and one Tarlok Singh were the ones who had hit the deceased. The trial judge found that the prosecution failed to prove, beyond reasonable doubt, the original charge under s. 302 of the Penal
G Code against the accused persons. According to the trial judge, the act of the accused persons in their involvement of hitting the deceased fell within the offence under s. 304(a) of the Penal Code which was an offence of homicide not amounting to murder. The respondents were sentenced to 20 years imprisonment. The Public Prosecutor appealed against the decision of the
H said High Court Judge while the first respondent cross appealed against the imprisonment term and the second respondent cross appealed against the conviction and sentence.

I

Held (allowing Public Prosecutor's appeal; dismissing cross appeal of accused persons)
Per Kamardin Hashim JCA delivering the judgment of the court:

(1) The trial judge erred when he held that there were elements of sudden fight in the heat of passion under a sudden quarrel in this case. The trial judge had failed to appropriately consider the evidence and facts that denied the element of 'sudden fight' arising from a 'sudden quarrel'. The defence of 'sudden fight' was not applicable here because there was a time gap between the first incident and the second incident. In fact, there was evidence showing that they had made peace with each other before the accused persons entered the deceased's container and started senselessly beating him to death with a piece of wood. The trial judge failed to give consideration to the time gap that showed that it was not a sudden fight. The trial judge failed to consider the fact that the deceased had been attacked without being given the chance to defend himself.

(2) The deceased was hit by a piece of wood by the accused persons and had been dragged outside of the container and was repeatedly beaten to death Throughout the night the deceased did not bring or hold any form of weapon. Even when the deceased was being chased by the accused persons and was being hit with a piece of wood, the deceased was not armed and had not retaliated. The deceased had also been beaten up inside the container while he was lying down enduring the pain from the attack during the first incident. The deceased had not retaliated at all. What transpired was a one sided attack with no response from the adversary, which was then not a fight. The accused persons had acted with undue advantage or acted in a cruel or unusual manner against the deceased. Therefore, the exception to s. 300 of the Penal Code was inapplicable. The defence of the accused persons seeking protection under the said Exception 4 ought to be dismissed by the court.

(3) The defence of the accused persons stating that Kuldeep Singh and Tarlok Singh had beaten up the deceased with a hammer and an iron rod was never suggested to the two witnesses for the prosecution SP7 and SP12. The said two eyewitnesses testified that they had seen the accused persons hitting the deceased with a piece of wood. This was not denied in a cross-examination where it was also not put that Kulpdeep Singh and Tarlok Singh had killed the deceased. The failure of the accused persons cross-examining SP7 and SP12 regarding the role played by Kuldeep Singh and Tarlok Singh and the failure to list down the said names as the perpetrators who killed the deceased caused the defence of the accused persons to be one of denial and an afterthought.

(4) There was no reason for the trial judge to dismiss or be suspicious of SP12's evidence when there was firm corroborating evidence supporting the evidence given by SP12. The said supporting evidence could be seen

through the evidence given by SP7, the eyewitness that stated that he had seen an Indonesian man being chased by two Indian men with one of them holding a piece of wood. Supporting evidence was also obtained through the police witness SP13 that had found three pieces of wood at the scene of the crime after it had been shown by SP12. There were traces of blood belonging to the deceased on one of the pieces of wood found at the place where the incident occurred. The evidence of SP6 that concluded that the injuries found on the head of the deceased was caused by a wood dagger supported the evidence given by SP7 and SP12.

(5) There was merit in the appeal by the Public Prosecutor. Thus, this court allowed the Public Prosecutor's appeal. The conviction under s. 304(a) of the Penal Code and the sentence of 20 years imprisonment from the date of arrest that was passed by the High Court Judge against the accused persons were set aside and substituted with a conviction under the original charge under s. 302 of the Penal Code against the accused persons. This court handed down a death sentence by hanging on both the accused persons.

Kes-kes yang dirujuk:
Balasingham v. PP [1959] 1 LNS 8 HC ***(dirujuk)***
Chua Beow Huat v. PP [1968] 1 LNS 24 HC ***(dirujuk)***
Kofri Mustafar v. PP [2010] 9 CLJ 519 CA ***(dirujuk)***
Mat v. PP [1963] 1 LNS 82 HC ***(dirujuk)***
Megat Halim Megat Omar v. PP [2009] 1 CLJ 154 CA ***(dirujuk)***
Mohamad Radhi Yaakob v. PP [1991] 3 CLJ 2073; [1991] 1 CLJ (Rep) 311 SC ***(dirujuk)***
Mohamed Kunjo v. PP [1977] 1 LNS 74 PC ***(dirujuk)***
T Paramasparan Thanigajalam v. PP [2012] 4 CLJ 309 CA ***(dirujuk)***
Wong Joo Sen v. PP [2010] 8 CLJ 392 FC ***(dirujuk)***
Wong Swee Chin v. PP [1980] 1 LNS 138 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Evidence Act 1950, s. 105
Penal Code, ss. 300, 302, 304(a)

Sumber-sumber yang dirujuk:
Ratanlal & Dhirajlal Law of Crimes, 25th edn, ms 1363

Bagi pihak perayu - Nurshafini Mustafha; TPR
Bagi pihak tertuduh 1 - KA Ramu; T/n KA Ramu Vasanthi & Assocs
Bagi pihak tertuduh 2 - Bernard George; T/n Tay, Bernard & Cheong

[Nota pengarang: Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Johor Bahru; Perbicaraan Jenayah No: 45B-16-2011 (ditolak sebahagian).]

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Kamardin Hashim HMR:

Latar Belakang

[1] Ini adalah rayuan Pendakwa Raya terhadap keputusan Hakim Mahkamah Tinggi di Johor Bahru yang telah mensabitkan responden-responden atas kesalahan di bawah s. 304(a) Kanun Keseksaan selepas satu perbicaraan penuh diadakan. Responden-responden telah dijatuhkan hukuman 20 tahun penjara berjalan sejak tarikh ditangkap.

[2] Responden pertama membuat rayuan balas terhadap hukuman pemenjaraan selama 20 tahun yang telah dijatuhkan oleh hakim bicara. Sementara itu responden kedua memfailkan rayuan balas terhadap sabitan dan juga hukuman.

[3] Responden pertama adalah merupakan tertuduh pertama dan responden kedua adalah tertuduh kedua di mahkamah perbicaraan. Responden-responden adalah warganegara India yang merupakan pekerja asing di Malaysia. Untuk mengelakkan daripada kekeliruan, mereka dikenali dalam penghakiman ini sebagai tertuduh 1 dan tertuduh 2.

[4] Kedua-dua tertuduh pada asalnya telah dipertuduhkan dengan satu kesalahan di bawah s. 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh seorang warganegara Indonesia. Pertuduhan asal terhadap mereka adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu bersama-sama pada 4 April 2011, jam lebih kurang 12.30 pagi di Wong & Wong Constructions, Lot 3526, Jalan Bukit Kempas 3, Taman Bukit Kempas, Kempas, dalam daerah Johor Bahru, dalam Negeri Johor Darul Takzim, untuk meneruskan niat bersama kamu semua telah membunuh Nurdain (No. Passport: S 559327) dan oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama seksyen 34 Kanun yang sama.

[5] Pihak pendakwaan telah memanggil seramai 13 orang saksi bagi membentangkan naratif kes pihak pendakwaan. Pada 26 November 2012, hakim bicara yang bijaksana telah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan kes *prima facie* terhadap kedua-dua tertuduh atas pertuduhan asal di bawah s. 302 Kanun Keseksaan. Walau bagaimanapun hakim bicara mendapati pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes *prima facie* terhadap kedua-dua tertuduh di bawah s. 304(a) Kanun Keseksaan. Hakim bicara telah meminda pertuduhan. Kedua-dua tertuduh telah mengaku bersalah terhadap pertuduhan pindaan di bawah s. 304(a) Kanun Keseksaan tersebut. Setelah mendengar pihak-pihak, hakim bicara telah menjatuhkan hukuman 20 tahun penjara sejak tarikh tangkapan ke atas tertuduh-tertuduh.

[6] Tidak berpuas hati dengan keputusan hakim bicara tersebut, pihak pendakwaan telah sekali lagi mengemukakan rayuan ke mahkamah ini. Kedua-dua tertuduh juga tidak berpuas hati terhadap hukuman hakim bicara, telah mengemukakan rayuan silang terhadap hukuman yang dikenakan.

[7] Pada 5 September 2014, mahkamah ini telah menolak rayuan tertuduh-tertuduh terhadap hukuman dan membenarkan rayuan Timbalan Pendakwa Raya ("TPR"). Keputusan hakim bicara telah diketepikan dan digantikan dengan perintah bahawa tertuduh-tertuduh dikemukakan semula ke Mahkamah Tinggi untuk membela diri atas pertuduhan asal di bawah s. 302 Kanun Keseksaan di hadapan hakim bicara yang sama.

[8] Setelah mendengar pembelaan tertuduh-tertuduh, pada 17 November 2014, hakim bicara yang sama telah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan kes melampaui keraguan yang munasabah terhadap kedua-dua tertuduh atas pertuduhan asal di bawah s. 302 Kanun Keseksaan. Sekali lagi hakim bicara memutuskan bahawa pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes melampaui keraguan yang munasabah di bawah s. 304(a) Kanun Keseksaan. Kedua-dua tertuduh telah disabitkan dan dihukum penjara 20 tahun berkuat kuasa sejak tarikh ditangkap bagi setiap tertuduh.

[9] Pihak pendakwaan tidak berpuas hati dan sekarang sekali lagi merayu ke mahkamah ini terhadap keseluruhan keputusan hakim bicara. Tertuduh-tertuduh turut mengemukakan rayuan silang terhadap sabitan dan hukuman.

[10] Kami telah mendengar rayuan pihak pendakwaan dan rayuan balas oleh tertuduh-tertuduh. Pada 12 Mei 2016 kami telah membenarkan rayuan pihak pendakwaan. Keputusan hakim bicara diketepikan dan digantikan dengan sabitan atas pertuduhan asal di bawah s. 302 Kanun Keseksaan. Tertuduh-tertuduh dihukum gantung di leher sehingga mati. Sekali gus rayuan balas tertuduh-tertuduh ditolak.

[11] Kami kemukakan alasan-alasan kami membenarkan rayuan Timbalan Pendakwa Raya dan menolak rayuan balas tertuduh-tertuduh seperti berikut.

Kes Pendakwaan

[12] Si mati dan kedua-dua tertuduh bekerja sebagai buruh di tapak pembinaan milik Syarikat Wong & Wong Constructions. Mereka tinggal di dalam dua buah kontena yang berasingan di dalam kawasan pembinaan tersebut di Taman Bukit Kempas. Tertuduh-tertuduh tinggal dalam satu kontena bersama tiga lagi pekerja warga India dan seorang pekerja dari Indonesia yang bernama Marsandi bin Samad (SP12). Manakala si mati, Nurdain yang turut juga dikenali sebagai "Pai Mor" tinggal dalam satu kontena yang lain bersama seorang lagi pekerja Indonesia yang dikenali sebagai "Ari". Jarak dua kontena itu menurut SP12 hanya lebih kurang tujuh meter.

[13] Pada 4 April 2011 jam lebih kurang 12 tengah malam, SP12 telah datang ke kontena si mati dan telah meminta si mati untuk pergi ke kontena bersebelahan yang didiami oleh pekerja-pekerja dari India untuk menegur mereka supaya jangan membuat bising. Si mati telah pergi ke kontena bersebelahan seperti disuruh oleh SP12. Tidak lama kemudian, SP12 melihat tertuduh 1 dan tertuduh 2 yang masing-masing memegang sebatang kayu telah mengejar si mati dan memukul si mati dengan kayu yang mereka bawa. Si mati telah lari hingga ke satu simpang tiga dan berhenti di hadapan rumah Encik Tassim. SP12 melihat si mati telah meminta maaf kepada kedua-dua tertuduh. Kedua-dua tertuduh telah berhenti memukul si mati dan dilihat mereka telah berjabat tangan dan berdamai. Si mati kemudiannya berjalan kaki bersama SP12 balik ke kabin dalam keadaan kepalanya berdarah.

[14] Saksi Muhamad Radzi bin Kamarudin (SP7) turut menyaksikan kejadian yang berlaku pada malam tersebut. SP7 dapat melihat seorang lelaki Indonesia dikejar dan dipukul dengan kayu oleh dua lelaki warga India. Selepas lebih kurang 15 minit kemudian seorang lelaki Indonesia (SP12) telah datang ke rumah mertua beliau untuk meminta pertolongan dengan memberitahu rakannya (Nurdain) telah dipukul lagi oleh lelaki India di dalam kontena.

[15] Keterangan SP12 menyatakan setelah si mati balik ke kontenanya, SP12 turut berada di dalam kontena si mati kerana ketakutan. Lebih kurang 10 minit selepas itu tertuduh-tertuduh telah datang ke kontena si mati dan telah memukul kepala si mati dengan kayu. Tertuduh-tertuduh kemudiannya telah menarik si mati keluar dari kontena dan terus memukul si mati hingga jatuh terbaring. SP12 terus berlari meminta pertolongan dari SP7. SP7 telah menghubungi Balai Polis Kempas. Koperal Kamal bin Yon (SP1) yang menerima panggilan dari SP7 telah menjadikan maklumat yang diterima sebagai Kempas Report No. 2255/2011 (P4).

[16] Saksi SP12 kemudian telah balik semula ke kontena bersama anggota polis, Konst Beethoven Anak Peter Jab (SP4) dan Konst Kennedy. Si mati dilihat berada dalam keadaan berlumuran darah terbaring di atas tanah di hadapan pintu kontena. Tertuduh-tertuduh telah berjaya ditangkap oleh pihak polis ketika sedang bersembunyi di dalam longkang dan di semak di belakang kontena.

[17] Bedah siasat ke atas jasad si mati telah dijalankan oleh Dr Rohayu binti Shahar Adnan (SP6) pada 6 April 2011 jam 11.30 pagi. SP6 menyatakan beliau mendapati si mati mengalami kecederaan-kecederaan antara lain luka-luka trauma tumpul di kepala yang telah menyebabkan retak pada tengkorak kepala di bahagian atas (calvarium) dan pada dasar tengkorak. Retak pada tengkorak ini telah melukakan salur darah di kepala menyebabkan pendarahan selaput otak yang mengakibatkan kematian. SP6 menyimpulkan sebab-sebab kematian si mati sebagai trauma tumpul di kepala (blunt force trauma to the head).

Keputusan Hakim Bicara Di Akhir Kes Pendakwaan

[18] Sebagaimana dinyatakan di awal penghakiman kami, hakim bicara yang bijaksana mendapati di akhir kes pendakwaan bahawa pihak pendakwaan gagal untuk membuktikan satu kes *"prima facie"* terhadap kedua-dua tertuduh atas pertuduhan asal di bawah s. 302 Kanun Keseksaan.

[19] Sebaliknya hakim bicara membuat dapatan bahawa perbuatan tertuduh-tertuduh dalam mematikan si mati terjumlah di bawah kekecualian ke 4 kepada s. 300 Kanun Keseksaan iaitu perbuatan tertuduh-tertuduh telah terbit daripada satu pergaduhan yang timbul secara mengejut akibat dari satu pertengkaran yang berlaku secara tiba-tiba tanpa dirancang. Hakim bicara telah bergantung kepada keterangan tertuduh-tertuduh di dalam percakapan beramaran yang diberikan oleh tertuduh-tertuduh. Jelas hakim bicara telah terkhilaf apabila membebaskan tertuduh-tertuduh daripada pertuduhan asal pada peringkat ini dengan hanya bergantung kepada percakapan beramaran tertuduh-tertuduh yang belum diuji dalam pemeriksaan balas. Oleh yang demikian, mahkamah ini telah mengetepikan perintah pembebasan tertuduh-tertuduh atas pertuduhan asal dan memerintahkan tertuduh-tertuduh memasukkan pembelaan mereka atas pertuduhan asal di bawah s. 302 Kanun Keseksaan.

Kes Pembelaan

[20] Kedua-dua tertuduh telah memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah.

[21] Pembelaan tertuduh 1 adalah seperti berikut:

(a) Beliau berasal dari Punjab, India dan datang ke Malaysia pada 29 November 2010. Beliau mula bekerja di sebuah kilang di Shah Alam untuk selama empat bulan sahaja. Oleh kerana majikan gagal membayar gaji selama dua bulan, beliau berhenti kerja dan mencari kerja baru di Johor Bahru.

(b) Beliau datang ke Johor Bahru pada 18 Mac 2011 dan ditawarkan bekerja dengan Syarikat Wong & Wong Constructions dan disediakan dengan tempat tinggal di dalam sebuah kontena bersama lima pekerja lain.

(c) Pada 3 April 2011 jam lebih kurang 10 - 10.30 malam, seorang lelaki Indonesia yang juga merupakan pekerja di syarikat yang sama telah masuk ke dalam kontena beliau lalu bertengkar dengan Kuldip dalam bahasa Malaysia. Kuldip menyatakan lelaki Indonesia itu bercakap "wilder words". Beliau dan Kuldip telah menampar lelaki Indonesia tersebut dan menghalau lelaki Indonesia itu keluar dari kontena mereka.

(d) Sejurus selepas itu, lelaki Indonesia tersebut datang semula ke kontena beliau dengan membawa dua lagi rakan-rakannya dengan setiap seorang membawa sebatang kayu. Salah seorang dari lelaki Indonesia itu telah memukul meja makan mereka dengan kayu.

(e) Beliau dan rakan-rakan beliau telah merampas kayu-kayu tersebut dan Kuldip telah memukul lelaki Indonesia itu menggunakan kayu yang dirampas.

(f) Beliau hanya telah menampar lelaki Indonesia tersebut. Ketiga-tiga lelaki Indonesia itu terus melarikan diri. Beliau dan rakan-rakan telah mengejar tiga lelaki Indonesia tersebut tetapi gagal untuk menangkap tiga lelaki Indonesia itu. Kuldip akhirnya berjaya menangkap salah seorang lelaki Indonesia tersebut iaitu orang yang pada mula-mulanya masuk ke dalam kontena mereka.

(g) Kesemua rakan-rakan beliau telah melarikan diri tetapi beliau dan tertuduh 2 tidak melarikan diri kerana mereka merasakan diri mereka tidak bersalah.

(h) Beliau menafikan ada memukul si mati. Beliau juga menafikan berada dalam keadaan mabuk semasa waktu kejadian tersebut. Beliau menyatakan Kuldip Singh telah memukul si mati dengan tukul dan Tarlok Singh telah memukul kaki si mati dengan besi paip. Beliau menafikan beliau dan tertuduh 2 ada memukul si mati menggunakan kayu.

[22] Pembelaan tertuduh 2 adalah seperti berikut:

(a) Beliau datang ke Malaysia sejak Disember 2010 dan bekerja sebagai Pengawal Keselamatan di Skudai, Johor. Beliau mula bekerja dengan Syarikat Wong & Wong Constructions sejak 1 atau 2 April 2011. Sejak bekerja dengan syarikat itu beliau telah tinggal dalam kontena yang sama dengan tertuduh 1.

(b) Beliau mengulangi keterangan yang telah diberikan oleh tertuduh 1 mengenai kejadian yang telah menyebabkan kematian si mati.

Dapatan Hakim Bicara Di Akhir Perbicaraan

[23] Hakim bicara mendapati tertuduh-tertuduh telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwaan. Hakim bicara telah mendapati pihak pendakwaan gagal membuktikan pertuduhan asal di bawah s. 302 Kanun Keseksaan melampaui keraguan yang munasabah terhadap tertuduh-tertuduh. Hakim bicara menerima keterangan tertuduh-tertuduh bahawa Kuldip Singh dan Tarlok Singh yang telah memukul si mati sehingga membawa kepada kematian si mati. Hakim bicara juga menerima keterangan SP12 dan SP7 bahawa tertuduh-tertuduh turut terlibat sama dalam memukul si mati. Tindakan tertuduh-tertuduh itu, menurut hakim bicara tergolong kepada kesalahan di bawah s. 304(a) Kanun Keseksaan iaitu kesalahan homisid yang tidak terjumlah kepada kesalahan membunuh.

[24] Hakim bicara telah mendapati tertuduh-tertuduh bersalah dan disabitkan atas kesalahan di bawah s. 304(a) Kanun Keseksaan. Hakim bicara sekali lagi menyatakan kejadian yang berlaku terbit dari satu pergaduhan yang mengejut akibat dari satu pertengkaran yang berlaku secara tiba-tiba tanpa dirancang seperti di dalam percakapan beramaran tertuduh-tertuduh (D35 dan D36).

Rayuan Pendakwaan

[25] Di hadapan kami, puan Timbalan Pendakwa Raya (TPR) terpelajar telah mengemukakan empat alasan berikut untuk membenarkan rayuan pendakwaan:

(i) tiada unsur "sudden fight in the heat of passion upon a sudden quarrel" dalam pembelaan tertuduh-tertuduh;

(ii) pembelaan kedua-dua tertuduh merupakan penafian semata-mata;

(iii) terdapat percanggahan dalam keterangan membela diri antara tertuduh-tertuduh; dan

(iv) hakim bicara terkhilaf apabila memutuskan saksi SP12 adalah saksi yang mempunyai kepentingan.

Dapatan Kami

[26] Setelah meneliti keseluruhan keterangan, kami bersetuju dengan hujahan puan TPR yang terpelajar atas hujahan berkaitan alasan pertama rayuan. Kami mendapati hakim bicara telah terkhilaf apabila memutuskan terdapat unsur "sudden fight in the heat of passion upon a sudden quarrel" dalam kes ini. Hakim bicara didapati telah gagal untuk membuat pertimbangan sewajarnya keterangan dan fakta yang menidakkan unsur "sudden fight" yang berbangkit dari "sudden quarrel". Tiga faktor utama yang gagal dipertimbangkan oleh hakim bicara adalah seperti penjelasan berikut.

[27] Tertuduh-tertuduh tidak faham apa yang dipertuturkan oleh si mati. Dalam soal-balas, tertuduh 1 menyatakan seperti berikut (ms. 136 AR Jld. 1):

> Saya tidak setuju yang si mati ini cakap kepada kami jangan buat bising. Saya tidak faham B.M. Saya tidak setuju yang saya faham apa dia cakap itu. Saya tidak tahu apa yang dia cakap dan saya tidak faham Bahasa Malaysia. Saya tidak faham samada apa yang Kuldeep cakap itu adalah apa yang sebenar.

Manakala tertuduh 2 juga dalam keterangan mengatakan dia tidak faham apa yang si mati itu cakapkan. Dalam soal-balas, tertuduh 2 menyatakan (di ms. 148 AR Jld.1) seperti berikut:

> A: Selepas itu lebih kurang 5 minit selepas itu lelaki Indonesia itu datang bersama 2 orang kawan dia. Masa mereka datang mula-mula mereka buat adalah mereka mula bertengkar mulut dahulu dengan Kuldeep.

Q: Ini adalah lelaki Indonesia yang mati di dalam kes ini? A

A: Ya.

Q: Ini adalah lelaki Indonesia yang mula-mula bertengkar dengan Kuldeep?

A: Ya. B

Q: 2 orang rakan orang Indonesia ini, apa mereka buat?

A: Mereka berdua juga bersuara tetapi saya tidak tahu dalam bahasa apa.

Sekiranya tertuduh-tertuduh tidak faham apa yang dicakapkan oleh si mati dan tidak faham pertuturan si mati, bagaimanakah boleh berlaku satu pertengkaran mulut yang secara tiba-tiba sehingga boleh menimbulkan satu pergaduhan secara mengejut. C

[28] Faktor kedua yang gagal dipertimbangkan oleh hakim bicara adalah terdapatnya jurang masa di antara insiden pertama dengan insiden kedua apabila tertuduh-tertuduh datang semula memukul si mati sehingga mati. Selepas tertuduh-tertuduh memukul si mati di hadapan rumah SP7, saksi SP7 dan SP12 menyatakan mereka melihat si mati telah meminta maaf dan kemudiannya bersalaman dengan tertuduh-tertuduh. Mereka telah berbaik-baik sebelum pulang ke kontena masing-masing (keterangan SP7 seperti di ms. 77-78 AR Jld. 1 dan keterangan SP12 di ms. 108 AR Jld. 1). SP7 menyatakannya seperti berikut: D E

> Selepas seketika mereka kelihatan seperti sudah berbaik dan berjalan tuju ke tapak projek. Masa mereka berjalan ke tapak projek, saya nampak mereka seperti berpelukan dengan warga Indonesia itu … Di luar rumah saya nampak ada satu kejadian pukul dan kemudian dileraikan dan kesemua telah balik ke tempat mereka secara aman bersama mangsa … F

Keterangan SP12 pula adalah seperti berikut:

> Saya nampak India ini terus kejar Nurdain sampai ke simpang tiga. Nurdain jatuh dan kata ampun, ampun. Selepas itu mereka telah berdamai. Setelah berdamai mereka telah balik semula ke Syarikat "Wong and Wong" dan menuju ke kontena. Saya balik bersama dengan Nurdain … G

[29] Selepas mereka berdamai dan masing-masing balik ke kontena untuk tidur, lebih kurang 10 - 15 minit kemudian tertuduh-tertuduh telah datang ke kontena si mati dan telah memukul si mati secara tiba-tiba. Tertuduh-tertuduh turut mengheret si mati keluar dari dalam kontena dan si mati terus dipukul oleh tertuduh-tertuduh hingga mati. Saksi SP12 menyatakannya (di ms. 101 AR Jld. 1) seperti berikut: H

> Semasa saya berada di dalam kontena itu, pintu kontena telah dibuka oleh dua India iaitu dua OKT ini dan mereka terus pukul Nurdain dalam kontena dan telah menarik Nurdain keluar dari kontena. Nurdain telah jatuh di hadapan kontena … saya nampak Nurdain telah terbaring sahaja di hadapan pintu kontena. I

[30] Pembelaan pergaduhan mengejut yang timbul dari satu pertengkaran yang berlaku secara tiba-tiba diperuntukkan di bawah kekecualian dan kepada s. 300 Kanun Keseksaan. Peruntukan itu berbunyi:

> Exception 4 – Culpable homicide is not murder if it is committed without premeditation in a sudden fight in the heat of passion upon a sudden quarrel, and without the offender having taken undue advantage or acted in a cruel or unusual manner.
>
> Explanation – It is immaterial in such cases which party offers the provocation or commits the first assault.

[31] Jelas terdapat empat prasyarat yang perlu dipenuhi sebelum pembelaan "sudden fight" boleh terpakai kepada tertuduh-tertuduh. Beban untuk membuktikan empat prasyarat itu dipenuhi adalah atas tertuduh-tertuduh atas imbangan kebarangkalian selaras dengan kehendak di bawah s. 105 Akta Keterangan 1950 yang memperuntukkan:

> when a person is accused of any offence, the burden of proving the existence of circumstances bringing the case within any of the general exceptions in the penal code, or within any special exception or proviso contained in any other part of the same Code, or in any law defining the offence, is upon him, and the court shall presume the absence of those circumstances.

[32] Empat prasyarat di bawah kekecualian 4 adalah seperti disebutkan dalam *Ratanlal & Dhirajlal Law of Crimes*, 25th edn. di ms. 1363, seperti berikut:

(i) it was a sudden fight;

(ii) there was no premeditation;

(iii) the act was committed in a heat of passion; and

(iv) the assailant had not taken any undue advantage or acted in cruel manner.

[33] Mahkamah Rayuan dalam kes *T Paramasparan Thanigajalam v. PP* [2012] 4 CLJ 309 telah membuat keputusan bahawa siapa yang telah memulakan pergaduhan adalah tidak penting. Di para. 47 di ms. 332 kes itu, Hakim Abdul Malik Ishak JCA menyatakan "It makes no difference as to who started the fight first."

[34] Setelah meneliti penghakiman hakim bicara, beliau membuat dapatan bahawa kejadian pembunuhan terhadap si mati hasil daripada "a sudden fight in the heat of passion upon a sudden quarrel." Hakim bicara itu telah bergantung kepada dua faktor iaitu bahawa si mati yang telah memulakan pergaduhan (ini faktor yang boleh dipertikaikan) dan bahawa pembunuhan berlaku tanpa dirancang. Di ms. 46 AR Jld.1, hakim bicara yang bijaksana menyatakan seperti berikut:

> Berdasarkan kepada keterangan yang disampaikan, tidak wajar dikatakan yang pembunuhan itu sesuatu yang dirancang. Ia wajar dikategorikan sebagai "sudden fight in the heat of passion upon a sudden quarrel."

Pergaduhan telah dimulakan oleh seorang lelaki Indonesia yang tinggal di container yang berasingan yang telah datang ke container yang didiami lelaki-lelaki India itu. Sememangnya terdapat dua kali pergaduhan pada tarikh dan malam tersebut.

[35] Kami bersetuju dengan hujahan puan TPR bahawa pembelaan "sudden fight" tidak terpakai oleh kerana terdapat jurang masa di antara kejadian pertama dan kejadian kedua. Malahan terdapat keterangan menunjukkan mereka telah berdamai dan berbaik-baik sebelum tertuduh-tertuduh masuk ke dalam kontena si mati dan telah membelasah si mati hingga mati menggunakan kayu. Walaupun hakim bicara mengakui terdapat dua kejadian yang berbeza, namun hakim bicara telah melakukan salaharahan kerana ketidakarahan terhadap dua lagi prasyarat untuk kekecualian 4 tersebut terpakai. Hakim bicara gagal memberikan pertimbangan terhadap kesan jurang masa itu yang tidak lagi dikatakan sebagai pergaduhan berlaku secara mengejut. Begitu juga hakim bicara telah gagal untuk menimbangkan fakta bahawa si mati telah diserang tanpa diberi peluang untuk mempertahankan dirinya. Si mati yang sedang baring di dalam kontenanya telah dipukul dengan kayu oleh tertuduh-tertuduh. Si mati kemudian telah ditarik keluar kontena dan terus dipukul bertalu-talu hingga mati sebelum tertuduh-tertuduh menyembunyikan diri di dalam semak.

[36] Sekali lagi kami merujuk kepada keputusan dalam kes *T Paramasparan Thanigajalam v. PP (supra)* di mana Hakim Abdul Malik Ishak HMR menyatakan:

> [41] Because of the use of the word "sudden", if there is a fight that fight is not pre-arranged. In other words, there should not be a lapse between the quarrel and the fight. If there is such an intervening period, it means that "reason" would by then overcome "passion" and the fight is said not to be sudden. This seems to be the view of Dr Sir Hari Singh Gour, *The Penal Law of India* (Diamond Jubilee – 10th edn., vol. III, 1983), at p. 2368, where the learned editors had this to say:
>
> Heat of passion requires that there must be no time for the passion to cool down ….
>
> [42] However, the Panel Code does not define the meaning of the word "fight", "Britannica World Language Edition of the Oxford Dictionary" defines "fight" as "the action of fighting". It takes two to start a fight. If blows are exchange then there is a fight. But if it is only a one-sided attack with no response from the adversary, then it is not a fight. And if the adversary dies as a result of the blow, the attacker cannot take advantage of Exception 4 because at the time when the attacker gives the fatal blow, there was no fight.

[37] Kami telah meneliti keseluruhan keterangan dan mendapati bahawa sebenarnya tiada kejadian pukul memukul dalam kes ini. Dalam percakapan beramaran kedua-dua tertuduh mendakwa si mati dan dua rakannya telah datang ke kontena mereka dengan membawa tiga batang kayu dan telah

memukul meja makan. Dakwaan ini dinafikan oleh SP12. Dalam pembelaan mereka, tertuduh-tertuduh menyatakan hanya si mati yang memulakan pergaduhan dengan datang ke kontena mereka dan mengeluarkan kata-kata yang kasar dan kesat. Manakala SP12 menyatakan si mati hanya memarahi tertuduh-tertuduh dan rakan-rakan mereka supaya jangan membuat bising. Tertuduh-tertuduh mengakui mereka telah meminum minuman keras dan kemudian telah membuat bising. Si mati pada sepanjang malam tidak pernah membawa atau memegang sebarang senjata. Tertuduh-tertuduh mengakui mereka mulanya telah menampar si mati akan tetapi si mati langsung tidak membalas. Begitu juga semasa si mati dikejar oleh tertuduh-tertuduh dan dipukul dengan kayu, si mati tidak bersenjata dan tidak membalas pukulan mereka. Lebih teruk lagi apabila si mati dipukul di dalam kontena ketika sedang berbaring menahan kesakitan akibat dipukul dalam insiden pertama. Si mati langsung tidak membalas. Apa yang berlaku adalah "one-sided attack with no response from the adversary, than it is not a fight."

[38] Jelas sekali tiada "sudden fight" sebenarnya berlaku dalam kes ini. Apa yang berlaku adalah tertuduh-tertuduh sahaja yang telah memukul si mati. Si mati tidak bersenjata dan tidak membalas pukulan tertuduh-tertuduh. Begitu juga terdapat jurang masa antara dua insiden seperti diakui oleh hakim bicara. Tertuduh-tertuduh juga telah bertindak secara "undue advantage or acted in a cruel or unusual manner" terhadap si mati sebagaimana dikatakan oleh Lord Scarman dalam kes *Mohamed Kunjo v. PP* [1977] 1 LNS 74. Oleh itu kami bersetuju sepenuhnya dengan hujahan TPR bahawa kekecualian 4 kepada s. 300 Kanun Keseksaan tidak terpakai. Pembelaan tertuduh-tertuduh yang memohon perlindungan di bawah kekecualian 4 tersebut sewajarnya ditolak oleh mahkamah.

[39] Kami juga mendapati kekhilafan hakim bicara apabila menerima pembelaan tertuduh-tertuduh di bawah kekecualian 4 atas sebab "sudden fight". Kekhilafan hakim bicara itu dapat dilihat daripada fakta bahawa tertuduh-tertuduh dalam keterangan mereka telah menafikan sama sekali ada memukul si mati dengan kayu. Mereka hanya mengakui ada setakat menampar si mati sahaja. Oleh itu agak menghairankan bagaimana pembelaan "sudden fight" terpakai sekiranya tertuduh-tertuduh menafikan sama sekali telah memukul si mati sehingga mati. Ini membawa kami kepada alasan kedua rayuan TPR.

[40] Puan TPR yang bijaksana menghujahkan pembelaan tertuduh-tertuduh hanya merupakan satu penafian semata-mata dan satu rekaan terbaru. Pembelaan tertuduh-tertuduh yang menyatakan Kuldeep Singh dan Tarlockchan Singh yang telah memukul si mati menggunakan tukul dan batang besi tidak pernah dicadangkan kepada kedua-dua saksi mata pihak pendakwaan, SP7 dan SP12. Dua saksi mata tersebut menyatakan mereka melihat tertuduh-tertuduh yang telah memukul si mati menggunakan kayu. Ini tidak disangkal dalam pemeriksaan-balas dan tidak di "put" bahawa Kuldeep Singh dan Tarlockchan Singh yang telah membunuh si mati. Nama

dua orang penama tersebut hanya timbul apabila pegawai penyiasat, ASP Annadurai a/l Veloo (SP13) memberi keterangan. Walaupun tertuduh ada menyebut nama penama-penama tersebut dalam percakapan beramaran mereka dan menyoal SP13 mengenai dua penama tersebut, ini adalah tidak memadai oleh kerana SP7 dan SP12 yang melihat kejadian langsung tidak disoal-balas mengenai peranan dua penama itu dalam kejadian ini.

[41] Mengenai dua penama tersebut, keterangan matan SP7 dan SP12 adalah menyatakan penglibatan dua penama itu hanya bertindak untuk menghalang tertuduh-tertuduh daripada memukul si mati. Dalam keterangan SP7 di ms. 77-78 AR Jld. 1, antara lain menyatakan:

> … warganegara India itu berbadan kurus dan tinggi kedua-duanya … salah seorang berbadan besar dan tinggi cuba meleraikan pergaduhan itu. Saya nampak dia cuba menghalang orang yang memukul warganegara Indonesia dari terus memukul mangsa tersebut…orang yang berbadan besar itu saya "assume" dia orang sikh … orang yang berbadan besar ada di tapak projek dan sedang menangis. Setakat yang saya tahu, lelaki yang berbadan besar ini tidak pernah ditangkap.

[42] Menurut SP12, terdapat lima orang warganegara India tinggal bersama beliau dalam sebuah kontena. Mereka adalah dua tertuduh. SP12 menyatakan hanya tertuduh-tertuduh yang telah menggunakan kayu memukul si mati. Manakala dua lagi lelaki India meleraikan pergaduhan. Lelaki India yang kelima, Ashok Kumar telah melarikan diri masa kejadian berlaku (ms. 107-113 AR Jld.1).

[43] Kegagalan peguam bela tertuduh-tertuduh menyoal-balas SP7 dan SP12 mengenai peranan Kuldeep Singh dan Tarlockchan Singh dan gagal meletakkan dua penama itu yang telah membunuh si mati menyebabkan pembelaan tertuduh-tertuduh merupakan satu penafian semata-mata dan satu rekaan terbaru (lihat *Chua Beow Huat v. PP* [1968] 1 LNS 24; [1970] 2 MLJ 29, *Megat Halim Megat Omar v. PP* [2009] 1 CLJ 154 dan *Wong Swee Chin v. PP* [1980] 1 LNS 138; [1981] 1 MLJ 212).

[44] Alasan rayuan ketiga pihak pendakwaan adalah terhadap isu percanggahan dalam keterangan tertuduh 1 dan tertuduh 2 mengenai kejadian yang telah berlaku. Tertuduh 1 dalam keterangannya menyatakan bahawa si mati telah datang dengan dua orang lagi dengan masing-masing membawa kayu. Si mati telah memukul meja makan dalam kontena mereka dan mereka berjaya merampas kayu tersebut manakala Kuldeep dan Tarlockchan Singh telah mengejar orang-orang Indonesia tersebut. Tertuduh 2 pula menyatakan si mati dengan dua orang lagi datang dan bertengkar mulut. Selepas itu orang-orang Indonesia keluar kontena dan kejadian pukul memukul kali pertama berlaku di luar kontena. Ini adalah percanggahan yang pertama. Tertuduh 1 menyatakan ada kejadian memukul meja dengan kayu, kayu dirampas dan kejadian kejar mengejar. Manakala tertuduh 2 langsung tidak menyebut kejadian tentang tiga perkara tersebut telah berlaku dalam keterangannya.

Percanggahan kedua adalah apabila tertuduh 2 menyatakan ada kejadian kejar mengejar hingga keluar dari kawasan Wong & Wong Constructions sedangkan tertuduh 1 menafikan kejadian itu ada berlaku.

[45] Kami bersetuju dengan hujahan puan TPR bahawa hakim bicara telah gagal untuk mempertimbangkan pembelaan tertuduh-tertuduh dengan teliti. Hakim bicara gagal untuk membuat pertimbangan dengan maksima keseluruhan keterangan dengan membuat perbandingan antara keterangan pihak pembelaan dengan keterangan pihak pendakwaan dan membuat rumusan bahawa keterangan membela diri tertuduh-tertuduh sebagai tidak munasabah (*Mohamad Radhi Yaakob v. PP* [1991] 3 CLJ 2073; [1991] 1 CLJ (Rep) 311; [1991] 3 MLJ 169 dan *Mat v. PP* [1963] 1 LNS 82; [1963] 1 MLJ 263).

[46] Alasan terakhir rayuan yang dihujahkan oleh puan TPR adalah terhadap dapatan hakim bicara yang meragui keterangan SP12 atas alasan SP12 sebagai saksi yang mempunyai kepentingan. Alasan hakim bicara menyatakan SP12 sebagai saksi berkepentingan adalah kerana SP12 merupakan rakan si mati. Dihujahkan oleh puan TPR bahawa hanya semata-mata SP12 adalah rakan kepada si mati tidak boleh dijadikan alasan untuk menyatakan SP12 seorang saksi yang berkepentingan dan keterangan saksi itu diterima dengan berhati-hati. Di ms. 46 AR Jld. 1, hakim bicara di dalam penghakiman beliau menyebut:

> Namun, keterangan SP12 ini perlu diteliti secara was-was. Beliau adalah seorang saksi yang berkepentingan.

[47] Dalam kes tersohor, *Balasingham v. PP* [1959] 1 LNS 8; [1959] 25 MLJ 193 di ms. 194, Hakim Ismail Khan telah memutuskan prinsip berkaitan dengan keterangan saksi berkepentingan seperti berikut:

> The trial Court is under a statutory obligation under section 308 of the Criminal Procedure Code to transmit to the Appellate Court the grounds of decision which convey to my mind a reasoned judgment on the facts and the law not merely the conclusion arrived at. The advantage of a "speaking" judgment needs no emphasis. In fact in *Murugiah v. Public Prosecutor* and *Public Prosecutor v. Low Toh Seng* both Horne J and Terrell Ag. CJ felt that the absence of reason indicated the possibility that such vital consideration as the weight of evidence and the possibilities of the case may not have influenced the mental process of the trial Judge in arriving at the ultimate finding. After all there is no legal presumption that an interested witness should not be believed. He is entitled to credence until cogent reasons for disebelief can be advanced in the light of evidence to the contrary and the surrounding circumstances.

[48] Dalam kes Mahkamah Rayuan, *Kofri Mustafar v. PP* [2010] 9 CLJ 519 di ms. 520; [2011] 4 MLJ 196 di ms. 197 telah diputuskan:

> SP8's sworn evidence had been corroborated in every way by independent evidence. There is no known legal presumption or otherwise, that states that every time an interested witness testifies his evidence must be

disbelieved without more. Unless there is any cogent evidence to show otherwise his evidence is entitled to be believed. SP8 merely related what happened on that day, and without any contrary evidence having been adduced her evidence was entitled to credence.

[49] Kami juga dengan izin merujuk kepada kes Mahkamah Persekutuan, *Wong Joo Sen v. PP* [2010] 8 CLJ 392; [2011] 1 MLJ 581, di ms. 582;

From the evidence recorded there was no basis to say that the trial judge was not careful in accepting the evidence of the CI in his narration of events leading to the recovery of the packages in the bathroom of the bedroom of the appellant. **In fact there was no evidence to suggest that it was unreasonable and illogical for the trial judge to have belived and accepted wholly the testimony of the CI.** The fact that the CI went to the appellant's house armed with information received and was thus interested to find out if the information was correct did not make him an unworthy witness. No evidence was adduced to show that the CI had known the appellant before and in any case **the evidence of the CI was supported by the evidence of other members of the raiding party.** Thus there was no merit in the issue pertaining to the reliability of the CI as a witness establishing the key elements of the offence and this was a case in which there was no need to interfere with the concurrent findings of facts of the courts below (see paras 22-24 & 33). (emphasis added)

[50] Kami bersetuju dengan hujahan puan TPR bahawa hakim bicara telah terkhilaf dari segi undang-undang apabila menolak keterangan SP12 dengan berasaskan kepada keterangan yang berbentuk "exculpatory" atau "self-serving" di dalam percakapan beramaran (D35) dari tertuduh 1 dan percakapan beramaran (D36) dari tertuduh 2.

[51] Kami juga bersetuju bahawa tiada alasan untuk hakim bicara menolak dan meragui keterangan SP12 sedangkan terdapat keterangan yang kukuh menyokong keterangan yang telah diberikan oleh SP12. Keterangan-keterangan sokongan tersebut dapat dilihat melalui keterangan yang telah disampaikan oleh SP7, saksi mata yang menyatakan bahawa beliau ada melihat seorang lelaki Indonesia dikejar oleh dua lelaki India dengan salah seorangnya memegang sebatang kayu. Beliau juga nampak lelaki Indonesia seolah-olah meminta maaf kepada dua lelaki India yang mengejar dan memukulnya. SP12 nampak seorang lelaki India itu memegang tangan lelaki Indonesia itu dan seorang lagi lelaki India terus memukul dengan kayu. SP12 juga nampak kemudiannya dua hingga tiga orang datang menghampiri mereka dan cuba meleraikan pergaduhan itu.

[52] Keterangan sokongan juga diperolehi dari keterangan saksi polis (SP13) yang telah menjumpai tiga batang kayu di tempat kejadian selepas ditunjukkan oleh SP12. Berdasarkan kepada analisa DNA yang telah dilakukan oleh saksi ahli kimia, Nor Hafiza binti Md Yusop (SP9), terdapat kesan darah si mati pada salah satu kayu yang dijumpai di tempat kejadian.

[53] Kami juga mendapati keterangan sokongan melalui keterangan pakar patologi (SP6) yang menyatakan kecederaan fatal di kepala si mati disebabkan oleh objek tumpul yang ada permukaan keras seperti kayu belati atau permukaan keras bila dia jatuh seperti lantai simen yang keras (ms. 69 AR Jld. 1). Dalam kes ini si mati telah jatuh di atas tanah. Oleh itu kemungkinan jatuh atas permukaan simen boleh diketepikan. Dengan itu bolehlah disimpulkan bahawa keterangan SP6, kecederaan di kepala si mati adalah disebabkan oleh kayu belati, yang menyokong keterangan SP7 dan SP12.

[54] Dalam soal-balas oleh peguam bela terpelajar bagi tertuduh 1 bahawa kemungkinan kecederaan si mati disebabkan terjatuh di bucu simen dan juga kerana disebabkan oleh tukul (hammer), SP6 menyatakan tidak mungkin. Di ms. 75 AR Jld. 1, SP6 menjawab:

> (Rujuk kepada eksibit P5(E) dan (F). Yang inipun boleh dianggap sebagai benda yang tumpul. Jika mangsa lari dan terhantuk kepada acuan simen ini, keretakan di kiri kepala boleh berlaku tetapi bukan "impressed". Tentang tukul ia tak boleh jadikan cedera kerana diameter tukul kecil, berbanding dengan diameter "depress" di kepala.

[55] Menurut keterangan tertuduh-tertuduh, si mati telah dipukul dengan tukul dan batang besi paip oleh Kuldeep Singh dan Terlockchan Singh. Besi paip langsung tidak di "put" kepada SP6. Manakala peguam bela tertuduh 2 langsung tidak menyoal balas SP6 mengenai kemungkinan senjata yang telah digunakan untuk mencederakan si mati.

Konklusi

[56] Sebagai konklusi, atas alasan-alasan yang tersebut di atas, kami sebulat suara bersetuju bahawa terdapat merit dalam rayuan Pendakwa Raya. Kami membenarkan rayuan Pendakwa Raya. Sabitan di bawah s. 304(a) Kanun Keseksaan dan hukuman penjara 20 tahun sejak tarikh ditangkap yang dijatuhkan oleh Hakim Mahkamah Tinggi terhadap tertuduh-tertuduh diketepikan. Kami gantikan dengan sabitan atas pertuduhan asal di bawah s. 302 Kanun Keseksaan terhadap kedua-dua tertuduh. Kami menjatuhkan hukuman gantung di leher sehingga mati ke atas kedua-dua tertuduh.

[57] Serentak dengan itu kami menolak rayuan balas oleh kedua-dua tertuduh terhadap sabitan dan juga hukuman 20 tahun penjara yang dijatuhkan oleh hakim bicara.